



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	7/4/2011

# Keluarga Tun Razak amal kehidupan bersederhana

## Kesungguhan didik anak diabadi menerusi penubuhan YTR

Oleh Norliza Abdullah  
lizz@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Pe-

nasihat Yayasan Tun Razak (YTR), Datuk Mohamed Nazim Abdul Razak mengimbau zaman kanak-kanaknya yang diberikan insentif RM30 jika mendapat nombor satu, RM20 nombor dua dan RM10 jika mendapat nombor tiga.

Insentif itu diberikan bapanya Tun Abdul Razak yang juga Perdana Menteri Kedua bagi menyuntik semangatnya lima beradik untuk terus maju dalam pelajaran.

Mohamed Nazim berkata, ganjaran itu diberikan supaya mereka adik-beradik berada pada kedudukan tiga teratas dalam darjah.

"Bapa begitu menitikberatkan pendidikan kerana dia yakin pelajaran adalah elemen penting dalam usaha memajukan diri seseorang.

"Segala nasihat serta tunjuk ajar ditinggatkan kepada kami diharap dapat diwarisi kepada generasi akan datang," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Kepimpinan Tun Razak, di sini, semalam.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Norjuma Habib Mohamed; Pengerusi YTR, Tun Mohammed Hanif Omar dan Ahli Lembaga Pengarah YTR, Tan Sri Arshad Ayub.

Mohamed Nazim berkata, walaupun bapanya memegang jawatan tertinggi kerajaan, dia sekeluarga hidup



MOHAMED Nazim beramah mesra dengan penerima Anugerah Tun Abdul Razak, Nur Ehsan (tengah) dan Ong sambil diperhatikan Mohammed Hanif (kiri) dan Timbalan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Mohamad Razak (kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

dalam serba sederhana dan segala keputusan perlu diteliti hinggakan cadangan untuk membina kolam renang di kediamannya di Sri Taman akhirnya tidak menjadi kerana khawatir tidak disenangi rakyat.

"Kesederhanaan Allahyarham kini menjadi pegangan kami dan kesungguhan serta kegigihan beliau mendidik generasi muda hari ini diabadikan menerusi penubuhan YTR sejak 15 tahun lalu.

"Kami bersyukur kerana dididik dalam suasana serba sederhana yang berjaya menjadikan kami insan yang dapat berbakti kepada masyarakat," katanya.

Pada majlis berkenaan, YTR menyampaikan Anuge-

rah Tun Abdul Razak kepada dua graduan cemerlang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Nur Ehsan Mohd Sa'id, 25; dan Christina Ong Sook Peng, 24. Masing-masing menerima, sijil penghargaan,

wang tunai RM1,000 dan pingat bersalut emas berukiran wajah Tun Abdul Razak.

Kedua-dua mereka yang mencatatkan kejayaan cemerlang sepanjang tempoh pengajian mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua, selain aktif aktiviti kokurikulum.

Ketika ditemui, Nur Ehsan berkata, anugerah berkenaan diberikan atas kesungguhan dan kejayaan memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama dengan purata nilai gred kumulatif, 3.71, selain aktif aktiviti kokurikulum dengan menjadi Yang Dipertua Jawatankuasa Kebajikan Siswa dan Siswi Kolej Ungku Omar.

**"Bapa begitu menitikberatkan pendidikan kerana dia yakin pelajaran adalah elemen penting dalam usaha memajukan diri seseorang"**

Mohamed Nazim Razak  
Penasihat Yayasan Tun Razak